



Anggota Bomba dan Penyelamat tiba membantu mangsa di Teluk Bahang, Balik Pulau.



Anggota Pertahanan Awam membantu kanak-kanak sekolah merentasi banjir di Teluk Bahang.



Bah terburuk dalam tempoh 20 tahun

➔ Penduduk sekitar Teluk Bahang lihat air banyak turun dari lereng bukit

Oleh Siti Sofia Md Nasir,
Fatin Fazlina Yaakob
dan Hamzah Osman
bhnews@bh.com.my

Balik Pulau

Kegiatan pembangunan tidak terkawal di kawasan bukit didakwa menjadi punca kawasan Teluk Bahang, Pulau Pinang dilanda banjir yang dianggap paling buruk dalam tempoh 20 tahun.

Dalam kejadian bermula kira-

kira jam 3 petang itu, penduduk tiga kampung paling teruk terjejas mendakwa air hujan dari bukit di kawasan sekitar turun ke kawasan pekan Teluk Bahang dan menjejaskan penempatan sekitarnya.

Akibatnya, hampir 400 penduduk di Kampung Nelayan, Kampung Teluk Awak dan Kampung Teluk Bahang dinaiki air antara 0.3 hingga 0.5 meter menyebabkan kira-kira 200 penduduk terpaksa dipindahkan ke dewan berdekatan.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Teluk Bahang, Datuk Shah Headan Ayoob Hussain Shah, berkata ini adalah kali pertama kawasan ini dilanda banjir kilat sehingga penduduk terpaksa dipindahkan.

"Teluk Bahang tidak pernah berlaku banjir seteruk ini dan perkara ini amat menghairankan apabila ada penduduk melihat air turun dari lereng bukit dengan banyaknya.

"Saya akan menyiasat kejadian

banjir ini sama ada ia berpunca daripada kegiatan penggondolan dan pencerobohan kawasan bukit sekitar Teluk Bahang," katanya ketika dihubungi BH.

Tahun lalu, BH melaporkan wujud kegiatan menggondol Bukit Batu Hitam yang turut dikenali Bukit Laksamana di Teluk Bahang, kira-kira 10 kilometer (km) daripada Empangan Teluk Bahang, oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Pembukaan tanah haram

Kegiatan penerokaan kawasan bukit itu dipercayai dilakukan sejak beberapa tahun lalu, tanpa pengetahuan kerajaan negeri sehingga kegiatan itu turut dilaporkan sebagai antara 200 kawasan yang dikenal pasti berlaku pembukaan tanah haram secara terbuka oleh Laporan Ketua Audit Negara pada 2014.

Sementara itu, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP) mengalami banjir kilat

menyebabkan semua penerbangan petang terpaksa ditunda berikutan keadaan cuaca tidak menentu.

Pengurus Kanan Malaysia Airport Berhad (MAB) Pulau Pinang, Mohd Ariff Jaafar, berkata angin kencang dan hujan lebat mengakibatkan kesesakan teruk di laluan masuk ke LTAPP selain air memasuki balai ketibaannya.

Mengulas isu sama, Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalu Lintas dan Tebatan Banjir negeri, Chow Kon Yeow, berkata pihaknya belum menerima laporan berhubung kaitan di antara banjir kilat dan penggondolan Bukit Laksamana.

Katanya, banjir kilat yang melanda Teluk Bahang adalah disebabkan hujan lebat sehingga melebihi 210 milimeter (mm) dan fenomena air laut pasang.

"Setakat ini kita tidak menerima laporan mengenai dakwaan air turun dengan banyak dari lereng

bukit, tunggu siasatan lanjut," katanya.

Di Kuala Kedah, lebih 100 penumpang terkandas di Terminal Feri di sini, semalam selepas perkhidmatan feri Kuala Kedah-Langkawi dibatalkan akibat keadaan cuaca yang tidak mengizinkan.

Pembatalan itu dimaklumkan kakitangan Langkawi Ferry Line Venture Sdn Bhd kepada semua penumpang terbabit yang rata-ratanya sudah bersedia untuk berlepas selepas membeli tiket untuk perjalanan bermula jam 4.30 petang.

Seorang kakitangan syarikat itu yang hanya mahu dikenali sebagai Ramli, berkata tindakan pembatalan itu dibuat atas faktor keselamatan selepas keadaan ombak besar dengan ketinggian mencecah dua meter, selain faktor angin kencang yang berisiko membahayakan.



Untuk video layari www.bharian.com.my